

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

FFP 361 Farmasi Forensik

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM (6) soalan.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Apakah keperluan-keperluan untuk merekodkan dadah merbahaya oleh seorang Pengamal Perubatan di bawah perundangan yang wujud? Apakah denda yang boleh dikenakan jika gagal untuk menyimpan rekod dengan sempurna.
- (b) Bolehkah seorang ahli farmasi membekalkan dadah merbahaya kepada seorang ahli farmasi lain? Terangkan.
- (c) Bolehkan seseorang membuat (manufacture) morfina di Malaysia? Terangkan.

(15 markah)

2. Jelaskan undang-undang yang mengawal pelabelan ubat-ubatan untuk dijual kepada orang awam.

(18 markah)

...3/-

3. Tulis nota-nota tentang perundangan yang merangkumi:
- (a) Jualan runcit tablet antasid yang mengandungi Magnesium Trisilikat dan Aluminium Hidroksida dalam sebuah pasaraya.
 - (b) Jualan runcit Salap Topikal Lignokain Hidroklorida 1%.
 - (c) Jualan runcit larutan Amonia 5%.
 - (d) Jualan runcit Tablet Propanolol 40 mg.

(16 markah)

4. Nyatakan berbagai-bagai jenis Lesen Racun yang dikeluarkan di Semenanjung Malaysia. Siapakah Pihak Berkuasa Pelesenan di bawah Ordinan? Nyatakan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memperbaharui Lesen Racun.

(18 markah)

5. Jelaskan keadaan dalam mana,

- (a) Seseorang boleh menggunakan gelaran "ahli farmasi"
- (b) Sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 boleh menggunakan nama "Farmasi"
- (c) Dalam keadaan apakah sebuah syarikat boleh terus menggunakan nama "Farmasi" semasa ketiadaan ahli farmasi.

(15 markah)

6. Kelaskan dengan terperinci keluaran-keluaran berikut menurut Akta Racun 1953 dan Akta Dadah Merbahaya 1952, yang mana berkenaan. (Kelaskan mengikut kedua-dua perundangan jika kedua-duanya berkenaan).

- (a) Ubat batuk mengandungi 5.7 mg per 5 ml Kodeina Fosfat.
- (b) Ubat batuk yang sama seperti dalam (a) dengan 0.1 mg per 5 ml Indometasin.
- (c) Campuran antitusif mengandungi 25 mg dekstrometofan (dextromethophan) dalam 5 ml.
- (d) Tablet antitusif yang beratnya 100 mg mengandungi 25 mg dekstrometofan dalam setiap tablet.

- (e) Tablet selesema yang beratnya 550 mg mengandung 12 mg Difenhidramina HCl (Diphenhydramine HCl), 12.5 mg fenilpropanolamina HCl (Phenylpropanolamine HCl), dan 500 mg parasetamol.
- (f) Kapsul mengandung 250 mg ampisilin trihidrat.
- (g) Tiub 25 g salap kulit mengandung 250 mg tetrasiklin hidroklorida.
- (h) Tiub 5 g salap mata mengandung 50 mg tetrasiklin hidroklorida.
- (i) Makanan tambahan haiwan mengandung 250 mg tetrasiklin hidroklorida dalam setiap gram.

(18 markah)